Halim : Kita perlu menjaga kebersihan walau di mana sahaja kita berada.


Hafiz : Betul, kita juga harus menjaga kebersihan diri.

Halim : Ya, kebersihan dapat (4) \_\_\_\_\_ kita daripada mendapat pelbagai jenis penyakit.

Hafiz : Kesihatan kita juga akan lebih terjamin jika kita menjaga kebersihan.

### Kata Penguat

**Kata penguat** ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif



**1. Kata penguat hadapan**

**Kata penguat hadapan** ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata adjektif.

**Contoh**

|         |        |        |
|---------|--------|--------|
| terlalu | paling | agak   |
| cukup   | makin  | kurung |

Contoh ayat :-

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

**2. Kata penguat belakang**

**Kata penguat belakang** ialah perkataan yang letaknya di belakang kata adjektif

**Contoh**

|        |       |      |       |
|--------|-------|------|-------|
| sekali | benar | nian | betul |
|--------|-------|------|-------|

Contoh ayat :-

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

### 3. Kata penguat bebas

**Kata penguat bebas** ialah perkataan yang letaknya bebas sama ada sebelum atau sesudah kata adjektif.

#### Contoh

amat

sangat

sungguh

Contoh ayat :-

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_





#### Latihan 16

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan frasa adjektif

1. Lagu itu \_\_\_\_\_
2. Jalan ini terlalu \_\_\_\_\_
3. Ayahnya sudah \_\_\_\_\_
4. Baju kurungnya \_\_\_\_\_
5. Guru itu sangat \_\_\_\_\_
6. Mee goreng itu sangat \_\_\_\_\_
7. Rumah Adam \_\_\_\_\_
8. Baju barunya \_\_\_\_\_
9. Pelajar lelaki itu \_\_\_\_\_
10. Kereta yang besar itu \_\_\_\_\_

# BAB 5 Wang

## Mengenali wang



Dua Puluh Baht



Lima Puluh Baht



Seratus Baht



Lima ratus Baht



Seribu Baht

### Latihan 1: Latihan Sebutan

| Nombor    | Sebutan  |
|-----------|--|
| 11        | Sebelas  |
| 23        | Dua puluh tiga   |
| 434       | Empat ratus tiga puluh empat   |
| 3,221     | Tiga ribu dua ratus dua puluh satu                                     |
| 55,014    | Lima puluh lima ribu empat belas                                       |
| 83,620    | Lapan puluh tiga ribu enam ratus dua puluh                             |
| 735,300   | Tujuh ratus tiga puluh lima ribu tiga ratus                            |
| 1,345,835 | Satu juta tiga ratus empat puluh lima ribu lapan ratus tiga puluh lima |



## Perbualan


### Di Kedai Pakain

- Asma : Saya nak beli kasut baru.
- Hanisah : Di mana?
- Asma : Di gedung membeli-belah. Ada banyak model kasut di situ.
- Hanisah : Jom! Kita ke sana.
- Penjual : Nak beli kasut ukuran berapa?
- Asma : Ukuran 36.
- Penjual : Warna apa?
- Asma : Hitam.
- Penjual : Ini kasut hitam. Harganya dua ratus lima puluh baht (250 B).
- Asma : Mahal sangat. Bolehkah kurangkan harga?
- Penjual : Sedikit bolehlah. Dua ratus baht (200 B) bolehlah.

*Tatabahasa*

### Kata Tanya

**Kata tanya** ialah kata yang berperanan untuk menyoal. Dalam bahasa Melayu kata tanya boleh terdiri daripada bentuk kata partikel mahupun kata akar. Kata tanya akar seperti *apa, mana, mengapa, siapa, berapa, kenapa, bagaimana* dan *bila*. Kata tanya partikel *-kah* digunakan di belakang perkataan yang hendak ditekankan dalam pertanyaan. Ada perkataan yang digabungkan dengan *-kah* itu diletakkan pada pangkal atau akhir ayat.



Contoh penggunaan ayat

| <b>Kata Tanya Akar</b> |   |
|------------------------|---|
| <b>siapa</b>           | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Siapa orang yang datang semalam?</li><li>2. Orang yang datang semalam siapa?</li><li>3. Siapakah orang yang datang semalam?</li></ol>  |
| <b>apa</b>             | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Apa pendapatnya?</li><li>2. Pendapatnya apa?</li><li>3. Apakah pendapatnya?</li></ol>  |
| <b>bila</b>            | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Bila masa yang sesuai memulakan pertandingan?</li><li>2. Masa yang sesuai bagi memulakan pertandingan, bila?</li><li>3. Bilakah masa yang sesuai untuk memulakan pertandingan?</li></ol> |
| <b>mengapa</b>         | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengapa dia suka?</li><li>2. Dia suka, mengapa?</li><li>3. Mengapakah dia suka?</li></ol>  |
| <b>berapa</b>          | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Berapa harganya?</li><li>2. Harganya berapa?</li><li>3. Berapakah harganya?</li></ol>  |
| <b>bagaimana</b>       | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Bagaimana caranya?</li><li>2. Caranya bagaimana?</li><li>3. Bagaimanakah caranya?</li></ol>  |
| <b>mana</b>            | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Mana jawabannya?</li><li>2. Jawabannya mana?</li><li>3. Manakah jawabannya?</li></ol>  |
| <b>kenapa</b>          | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kenapa dia ketawa?</li><li>2. Dia ketawa kenapa?</li><li>3. Kenapakah dia ketawa?</li></ol>  |



**Latihan 17**

Pilih dan garisi kata tanya yang sesuai

1. (Siapakah, Apakah) yang memasak kari ayam ini?

2. (Bilakah, Di manakah) terletak Restotaran ibu.

3. (Apakah, Berapakah) bahan yang di gunakan untuk membuat kuih bakul?

4. (Mengapakah, Bagaimanakah) caranya untuk membuat kuih dodoi?

5. (Di manakah, Bilakah) ibu hendak pergi ke kelas masakan?



**Latihan 18**

**Kata tanya dengan kata Apa, Siapa, Di mana, bila, dan berapa**

**Contoh :** Itu buku.  
Itu apa?

1. Ini bunga Ros.

---

2. Mereka pergi dengan bas.

---

3. Salim membaca buku.

---

4. Merka menunggu anda.

---

5. Di sana ada taman.

---

6. Kita makan di kantin itu.

---

7. Hanan lahir pada tahun 2000.

---

8. Dia tinggal di Pattani dua tahun yang lalu.

---

9. Kelas mulai pukul 08.00.

---

10. Dia minum susu dua gelas.

---

# BAB 6 Mengenal Pasti Objek



- Atikah : Ummi hari ini hari cuti. Baik tak kalau kita mengemaskan rumah.
- Ummi : Ya, bagus juga tu. Kalau begitu Atikah tolong kemaskan bilik-bilik di dalam rumah, nanti ummi bersihkan di luar rumah.
- Atikah : Ya, ummi. Buku-buku di dalam laci itu Atikah akan letak dalam Lemari ya ummi.
- Ummi : Ya, dan di bahagian bilik ruang tamu itu Atikah kemaskan majalah surat khabar dan piring-piring itu juga ya,
- Atikah : Ummi dimana kain atau kertas surat khabar yang tak guna?
- Ummi : Surat khabar itu di dalam bilik kerja ayah itu, Atikah nak buat apa?
- Atikah : Atikah mahu mengelap cermin di dapur itu, sebab cermin sudah kotor.
- Ummi : Ya, bagus juga tu. Baik selesai daripada mengemas kan rumah nanti ummi nak masakan tomyam udang yang Atikah suka makan ya?
- Atikah : Baik ummi. Terima kasih ya.

## Kosa kata anggota badan



### Kosa kata buah-buahan dan sayur-sayuran



|       |          |        |           |
|-------|----------|--------|-----------|
| nanas | tembikai | jambu  | belimbing |
| betik | anggur   | kelapa | epal      |
|       |          |        |           |
|       |          |        |           |
|       |          |        |           |
|       |          |        |           |

Contoh ayat:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

**Kosa kata benda-benda dalam rumah**



|           |            |        |             |
|-----------|------------|--------|-------------|
| ubat gigi | berus gigi | shampu | kertas tisu |
| tuala     | cermin     | sisir  | cerek       |
|           |            |        |             |
|           |            |        |             |
|           |            |        |             |
|           |            |        |             |
|           |            |        |             |
|           |            |        |             |

Contoh ayat:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_


## Kosa kata warna

|       |       |        |        |
|-------|-------|--------|--------|
| hitam | putih | biru   | kuning |
| merah | hijau | jingga | ungu   |
|       |       |        |        |
|       |       |        |        |
|       |       |        |        |

**Contoh ayat:**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

## Kosa kata binatang




|       |           |         |       |
|-------|-----------|---------|-------|
| angsa | arnab     | anjing  | babi  |
| buaya | biri-biri | beruang | beruk |
|       |           |         |       |
|       |           |         |       |
|       |           |         |       |
|       |           |         |       |

Contoh ayat:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

**Kosa kata permainan/sukan**



|             |         |                |            |
|-------------|---------|----------------|------------|
| badminton   | besbol  | bola keranjang | bola sepak |
| bola tampar | bernang | futsal         | gusti      |
|             |         |                |            |
|             |         |                |            |
|             |         |                |            |

Contoh ayat:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

## Kosa kata pekerjaan




|             |                 |          |
|-------------|-----------------|----------|
| dokter      | ahli perniagaan | pelayan  |
| guru        | ahli sains      | penyanyi |
| guru bahasa | ahli farmasi    | petani   |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |
|             |                 |          |

**Contoh ayat:**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

## Kosa kata jenis makanan



|             |             |           |
|-------------|-------------|-----------|
| nasi kerabu | nasi goreng | tomyam    |
| gulai kari  | kek batik   | agar-agar |
|             |             |           |
|             |             |           |
|             |             |           |
|             |             |           |

### Contoh ayat:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

## Kosa kata negara dan bangsa

| Negara  | Bangsa        |
|---------|---------------|
| Amerika | Orang Amerika |
| Britain | Orang Britain |
|         |               |

| Negara | Bangsa |
|--------|--------|
|        |        |
|        |        |



### Kata Sendi Nama

**Kata sendi nama** ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah:

#### Contoh

|         |          |          |       |        |
|---------|----------|----------|-------|--------|
| di      | dari     | daripada | pada  | kepada |
| bagi    | bagai    | antara   | untuk | sejak  |
| tentang | terhadap | dengan   | sejak | hingga |
| sampai  | seperti  | terhadap | dalam | oleh   |
| umpama  | laksana  | akan     | ke    |        |

**Contoh dalam ayat:-**

| Kata sendi | Penggunaannya   | Ayat contoh   |
|------------|---|---|
| <b>di</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat.</li> <li>· Dieja terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.</li> </ul> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertandingan itu diadakan <i>di</i> Yala.</li> <li>2. Cikgu Nadia bekerja <i>di</i> sekolah itu.</li> </ol> |

| Kata sendi                             | Penggunaannya   | Ayat contoh  |
|--|---|--|
| <b>ke</b>                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat, masa dan benda konkrit tidak bernyawa.</li> <li>· Dieja terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.</li> <li>· Tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia atau binatang</li> </ul> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mereka akan <i>ke</i> Ipoh esok.</li> <li>2. Din menunggu Siha dari pagi hingga <i>ke</i> petang.</li> <li>3. Pinggan itu dihempaskannya <i>ke</i> lantai.</li> <li>4. Cik sedang <i>ke</i> surau</li> </ol> |
| <b>dari</b>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat, arah atau masa.</li> </ul>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bola itu ditendang <i>dari</i> penjuru padang.</li> <li>2. Kami menunggu <i>dari</i> pukul 8.00 pagi.</li> <li>3. Amin datang <i>dari</i> Kelantan.</li> </ol>   |
| <b>daripada</b>                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk orang, perbandingan, asal kejadian, benda abstrak, pertentangan, dan untuk menunjukkan keanggotaan.</li> </ul>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat itu saya terima <i>daripada</i> Yati.</li> <li>2. Pensel ini lebih panjang <i>daripada</i> pensel itu.</li> <li>3. Ukuran itu diperbuat <i>daripada</i> perak</li> </ol>                               |
| <b>Kepada/<br/>akan /<br/>terhadap</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan selepas kata adjektif yang menyatakan perasaan atau sikap.</li> </ul>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Devi suka <i>akan</i> rambutan.</li> <li>2. Hanim amat sayang <i>akan/kepada</i> ibunya.</li> <li>3. Kita mesti hormat <i>akan/ kepada/ terhadap</i> ibu bapa.</li> </ol>                                    |
| <b>bagi /<br/>untuk</b>                | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk menentukan sesuatu yang dibezakan daripada yang lain.</li> </ul>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Derma <i>untuk/bagi</i> mangsa banjir sedang dipungut.</li> <li>2. Hadiah ini <i>untukmu</i>.</li> </ol>   |

| Kata sendi              | Penggunaannya  | Ayat contoh  |
|-------------------------|--|--|
| <b>pada</b>             | · Digunakan untuk masa, manusia, binatang, benda abstrak, dan benda konkrit tertentu.  | 1. Ali tiba <i>pada</i> pukul lapan malam.<br>2. Tiket bas itu ada <i>pada</i> Hanim.<br>3. <i>Pada</i> pendapat saya, cerita itu benar.                               |
| <b>tentang</b>          | · Digunakan untuk menyatakan maknaberkenaan dengan   | 1. Menteri-menteri itu berbincang <i>tentang</i> masalah Negara.   |
| <b>dengan</b>           | · Digunakan untuk menyatakan maksud bersama-sama atau serta, bandingan setara, keterangan cara, dan penggunaan sesuatu sebagai alat. | 1. Izzat bermain <i>dengan</i> Hazwan.<br>2. Nani belajar dengan tekun.<br>3. Hasilnya tidak setimpal <i>dengan</i> usahanya.<br>4. Nora menulis <i>dengan</i> pensel. |
| <b>sejak / semenjak</b> | · Digunakan untuk membawa maksud penanda waktu atau masa.  | 1. Milah sentiasa gembira <i>sejak/semajak</i> suaminya pulang dari perantauan.  |
| <b>oleh</b>             | · Digunakan selepas kata kerja pasif yang berawalan di- dan ter-   | 1. Kuih ini dibuat <i>oleh</i> Nadiah.   |
| <b>hingga/ sampai</b>   | · Digunakan untuk menyatakan had masa, waktu atau tempat tertentu.   | 2. Midah belajar <i>hingga/ sampai</i> peringkat universiti.   |





**Latihan 19**

**Bina ayat dengan berpandukan perkataan yang diberikan**

1. Saya - makan - di - rambutan

---

---

2. Ayah - sebiji - di - durian - rumah

---

---

3. Emak - sesikat pisang - ke - kedai - Pak long

---

---

4. Pak Abu - dusun - buah-buahan - dari

---

---

5. Abang - sekilo - langsung - di - gerai - Pak Awang

---


---

6. Amin - anggur - kepada - nenek

---

---

# BAB 7 Keluarga



Nama saya Ali, Umur  
saya lapan tahun

Saya ayah Ali, Nama  
saya Ahmad.

Saya ibu Ali, Nama  
saya Aminah.



Saya abang Ali,  
nama saya Harun.



Saya pula adik Ali,  
Nama saya Maryam.



**Kami tinggal di Daerah yarang, wilayah Pattani.**



## Pemahaman

A. Baca petikan tentang keluarga di bawah.

Ali mempunyai seorang emak saudara. Nama emak saudara Ali ialah\_\_\_\_\_ . Emak saudara Ali tinggal di Narathiwat. \_\_\_\_\_ ialah adik bongsu kepada ibu



Ali. Ali memanggilnya mak su. Mak su pandai membuat kek dan biskut. Beliau selalu mendapat tempahan daripada saudara-mara dan rakan-rakannya. Ali suka makan kek yang dibuat oleh makk su. Rumah mak su sangat cantic dan kemas. Beliau selalu menghias rumah sambil mendengar radio. Mak su juga pandai mengubah bunga. Bunga yang digubahnya amat cantik.

### Kosa Kata dalam Keluarga

|       |              |        |        |
|-------|--------------|--------|--------|
| ibu   |              |        |        |
|       |              |        |        |
|       | anak saudara |        | makcik |
|       |              |        |        |
|       |              | sepupu |        |
|       |              |        |        |
| khali |              |        |        |
|       |              |        |        |

Lengkapkan ayat. Nyatakan tentang Hamdan dan keluarga kepada rakan sekelas



Latihan 20




1. Sepupu Hamdan \_\_\_\_\_
2. Hamdan mempunyai empat \_\_\_\_\_
3. Hamdan mempunyai dua \_\_\_\_\_
4. Hamdan mempunyai empat \_\_\_\_\_
5. Hamdan ialah sepupu \_\_\_\_\_
6. Nama bapa Hamdan ialah \_\_\_\_\_
7. \_\_\_\_\_ ialah ibu Hamdan.
8. \_\_\_\_\_ ialah datuk dan nenek Hamdan.



## Kata Pemerih

**Kata pemerih** ialah perkataan yang digunakan untuk memerihalkan bahagian subjek dan predikat sesuatu ayat.



### (a) Kata pemerih ialah

**Kata pemerih ialah** digunakan dalam ayat yang berpola frasa nama+frasa nama.atau **kata pemerih ialah** menghubungkan subjek dengan prediket. Kedua-dua subjek dengan predikat mempunyai makna yang sama. Oleh itu subje dan predikat boleh bertukar tempat.

#### Contoh dalam ayat:-

- Beliau ialah ketua murid sekolah ini.
  - Ketua murid sekolah ini ialah beliau.
- Makanan utama rakyat Patani ialah beras.
  - Beras ialah makanan utama rakyat Patani.
- Mata pelajaran yang paling saya minati ialah bahasa Melayu.
  - Bahasa Melayu ialah mata pelajaran yang paling saya minat.
- Rektor Universiti Fatoni ialah Dr. IsmailLutfi Chapakiya
  - Dr. Ismai Lutfi Chapakiya ialah rektor Universiti Fatoni.

**(b) Kata pemeri adalah**

**Kata pemeri adalah** digunakan dalam ayat yang berpola frasa nama+ frasa adjektif dan frasa nama + frasa sendi nama, atau kata pemeri adalah menghubungkan subjek ayat dengan predikat ayat dengan memberi huraian lanjut berkenaan subjek sebelumnya.

**Contoh dalam ayat :-**

1. Hadiah itu adalah untuk tetamu istimewa pada malam ini.
2. Ceramah itu adalah tentang hidup bersama al-Quran.
3. Herba yang sedang diminum oleh ibu adalah baik untuk kesihatan.
4. Masalah yang dihadapi oleh keluarga itu adalah sukar untuk diselesaikan.



**Isi tempat kosong dalam setiap ayat di bawah ini dengan kata pemeri yang sesuai.**

**Latihan 22**

1. Kereta kegemaran saya\_\_\_\_\_kereta Proton Exora.
2. Kerja mencatat minit mesyuarat itu\_\_\_\_\_tugas setiausaha.
3. Keputusan \_\_\_\_\_ untuk menanggungkan aktiviti itu\_\_\_\_\_sangat bijak.
4. Kegiatan membaca buku\_\_\_\_\_kegemarannya pada masa lapang.
5. Perbincangan pada petang ini\_\_\_\_\_tentang pelantikan ketua kelas.

# BAB 8 Kedudukan Objek



## Perbualan

Fahmi : Di mana rumah encik?

Encik : Di sebelah *belakang* Universiti Fatoni.

Fahmi : Encik tinggal di mana?

Encik : Saya tinggal di Pattani.

Fahmi : Maaf boleh saya tanya?

Encik : Boleh.

Fahmi : Saya nak pergi ke hospital Yala.



Encik : Pandu terus hingga sampai di kedai lama Yala kemudian jalan terus lagi hospital Yala di *sebelah kiri* sebelum simpang empat.




# Tatabahasa

## Kata Arah

**Kata arah ialah** kata yang memberitahu arah tempat di mana sesuatu benda itu berada. Kebiasaannya, perkataan ini hadir selepas kata sendi nama dan sebelum kata nama. Kata arah seperti:

|       |         |         |         |          |
|-------|---------|---------|---------|----------|
| atas  | antara  | bawah   | tepi    | belakang |
| barat | tengah  | dalam   | luar    | sisi     |
| sudut | segi    | selatan | samping | timur    |
| utara | penjuru | hadapan | kiri    | kanan    |

| Gambar  | Kata Arah | Contoh Ayat                                    |
|---|-----------|--|
|   | dalam     | Di dalam bakul itu ada buah durian.            |
|  | luar      | Pensel itu berada di luar kotak pensel.        |
|  | atas      | Pasu bunga itu diletakkan di atas meja hiasan. |

| Gambar  | Kata Arah | Contoh Ayat   |
|---|-----------|---|
|    | bawah     | Ali sedang membaca buku cerita di bawah pokok.        |
|    | sisi      | Emak berada di sisi adik yang demam.                  |
|    | sudut     | Gambar pemandangan itu digantung di sudut ruang tamu. |
|   | antara    | Rumah saya terletak di antara sekolah dengan masjid.  |
|  | hadapan   | Kassim duduk di hadapan saya.                         |
|  | tepi      | Tong sampah itu terletak di tepi pagar rumah.         |
|  | tengah    | Nenek itu berdiri di tengah jalan raya.               |



# BAB 9 Pengangkutan



## Pemahaman

**Baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan**

Asmat baru tamat latihan kurikulum di universiti. Dia sedang menunggu ayahnya datang menjemputnya pulang ke rumah. Asmat menunggu ayahnya di perhentian bas di hadapan universitinya. Jam menunjukkan pukul 6.30 petang, tapi ayahnya belum tiba lagi.

Tiba-tiba sebuah kereta berhenti di yhadapanya. Pemandunya seorang wanita menghampiri Asmat. Dia memperkenalkan diri sebagai kawan ayah Asmat. Katanya ayah Asmat tidak dapat menjemput Asmat kerana terlibat dalam kemalangan. Dia disuruh oleh ayah Asmat untuk menjemput Asmat.

Kamal teringat akan pesanan ayahnya supaya tidak mengikut orang yang tidak dikenali walau dalam keadaan apa sekalipun. Asmat memberitahu wanita itu yang dia akan menaiki bas untuk pulang ke rumah. Asmat mesti sentiasa berhati-hati supaya selamat.

1. Di manakah Asmat menunggu ayahnya?

---

2. Apakah yang dikatakan oleh pemandu wanita itu kepada Asmat?

---

3. Apakah pesanan ayah kepadanya?

---

**Pengangkutan** merujuk kepada kenderaan yang membawa seseorang atau sesuatu dari satu tempat ke satu tempat yang lain, biasanya pada jarak yang jauh berbanding jika berjalan kaki. Sistem pengangkutan biasanya boleh dibahagi kepada beberapa pembahagian bergantung kepada cara ia bergerak, kuasa, dan lain-lain. Antara pembahagian yang biasa adalah pengangkutan darat, pengangkutan laut dan pengangkutan udara

### Pengangkutan/ Kenderaan di Darat



**motosikal**




**beca**




**basikal**



**kereta**



**van**



**bas**




**lori**



**ambulans**



**teksi**



**kereta api**



**transit aliran ringan**



**jib**



**kereta lembu**



**kereta polis**




**kereta bomba**



**skuter**

## Pengangkutan/ Kenderaan di Air dan Udara



**kapal terbang**



**helikopter**



**belon udara panas**




**kanu**



**perahu**



**monorel**



**kereta kabel**



**perahu layar**



**kapal**



**jong**



**hoverkraf**



**rakit**



**feri**



**kapal tangki**



**kapal selam**



**motobot**

### Contoh Ayat

1. Ayah naik kereta ke pejabat.
2. Fatimah menaiki bas dari Pattani.
3. Abang memandu kereta ke Hatyai.
4. Adik menunggang basikal ke sekolah.
5. Makcik membonceng motosikal ke pasar malam.



Pilihkan ayat di atas kemudian, pisahkan perkataan mengikut jadual yang berikut.

**Latihan 24**

| Kata Nama | Kata Kerja | Kenderaan | Kata sendi | Tempat |
|-----------|------------|-----------|------------|--------|
|           |            |           |            |        |
|           |            |           |            |        |
|           |            |           |            |        |


 **PERBUALAN**

**Pergi Setun**



## Kata Perintah

**Kata perintah** ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindakan terhadap arahan, larangan, perintah, silaan dan permintaan.



| Kata Perintah                  | Maksud     | Ayat Contoh  |
|--------------------------------|------------|--|
| - sila<br>- jemput             | silaan     | 1. Silalah masuk ke dalam rumah.<br>2. Jemputlah menikmati hidangan ini.   |
| - jangan<br>- usah             | larangan   | 1. Jangan bising di dalam perpustakaan.<br>2. Usah bermain di tepi lombong itu.  |
| - harap<br>- minta<br>- tolong | permintaan | 1. Harap murid-murid bertenang.<br>2. Minta perhatian saudara dan saudari sekalian.<br>3. Tolong hantar latihan ini pada hari Isnin. |



### Latihan 25

A. Sila isi tempat kosong dengan kata perintah berikut:



1. \_\_\_\_\_ ambil perhatian, semua orang dikehendaki berkumpul dibalai raya.
2. \_\_\_\_\_ lah datang ke majlis perkahwinan kakak saya.
3. \_\_\_\_\_ belikan saya sebuah mi goreng di kantin.
4. \_\_\_\_\_ awak dapat datang ke rumah saya pada malam ini.
5. \_\_\_\_\_ merokok di kawasan sekolah.
6. \_\_\_\_\_ makan kuih-muih yang dibuat oleh ibu saya.
7. \_\_\_\_\_ tunggu sebentar, ayah saya akan pulang.
8. \_\_\_\_\_ beri laluan, saya hendak ke seberang.


B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. \_\_\_\_\_ (Jangan, Sila) bermain di tepi sungai yang deras.
2. \_\_\_\_\_ (Minta, Jemput)lah datang ke rumah saya.
3. \_\_\_\_\_ (Tolong, Usah) sapukan lantai bilik darjah.
4. \_\_\_\_\_ (Jangan, Sila)lah masuk ke dalam.
5. \_\_\_\_\_ (Minta, Jangan) semua penonton bertenang.
6. \_\_\_\_\_ (Tolong, Jemput) ambikkan saya segelas air suam
7. \_\_\_\_\_ (Usah, Jangan) kamu cari dompet itu lagi.
8. \_\_\_\_\_ (Sila, Jemput) buang kasut sebelum masuk ke dalam bilik komputer.

# BAB 10 Lokasi

## A. PENGENALAN

Lokasi adalah tempat di luar studio untuk membuat penggambaran, atau letak tempat dimana fenomena geografi terjadi.

|   |   |   |
|---|---|---|
|    |    |     |
| Belok kiri jalan terus  | Belok kanan   | Belok kiri  |
|   |   |    |
| Pusing balik  | Bulatan   | Berhenti  |
|  |  |  |
| Simpang empat/ simpang tiga   |   | Lampu isyarat   |

- Belok kiri di simpang empat.
- Pergi terus sehingga jumpa simpang empat.
- Jalan terus sehingga jumpa bangunan.....
- Jalan terus sehingga jumpa bulatan
- Pergi terus sampai .....



Binakan ayat sedrhana mengikut perkataan dibawah ini:-

### Latihan 26

1. Hospital + belok kiri

---

2. Balai polis + bulatan

---

3. Universiti Rajbhat Yala + belok kanan

---

4. Universiti Fatoni + simpang tiga

---

5. Kedai baju batik + lampu isyarat

---

6. Pasar malam + simpang empat

---

7. Masjid Yala + lampu isyarat

---

8. Binaan raja + pusing balik

---

9. Fakulti Pengajian Islam + Bulatan

---

10. Asrama + belok kiri

---



## *perbualan*

**Di depan stesen kereta api Yala.**

- Encik Faizal : Maaf, saudara, boleh saya tumpang bertanya?  
Ahmad : Ya boleh. Silakan.  
Encik Faizal : Di mana Universiti Fatoni?  
Ahmad : Universiti Fatoni di kampung Khaotum.  
Encik Faizal : Bagaimana hendak ke sana?  
Ahmad : Oh, senang saja. Dari sini, encik jalan terus hingga encik jumpa lampu isyarat di simpang tiga. Kemudian, belok kanan. Jalan terus sekitar lima kilometer. Encik akan jumpa dengan stesen minyak warna kuning disebelah kanan encik. Kemudian belok kanan di jalan Nak Kubur, jalan terus sekitar 6 kilometer hingga encik jumpa simpang tiga selepas itu belok kiri. Universiti Fatoni disebelah kanan encik.  
Encik Faizal : Terima kasih.  
Ahmad : Sama-sama.



**Tuliskan sebuah peta dan sebuah perbualan tentang perjalanan anda**

**Latihan 27**

A large rectangular area enclosed by a dashed black border, intended for drawing a map and writing a conversation.

A series of horizontal dotted lines for writing the answer.

**Kata Seru**

**Kata seru** ialah kata yang digunakan oleh seseorang untuk menggambarkan perasaan.

- *Aduh*
- *Aduhai*
- *Amboi*
- *Wah*
- *Eh*
- *Wahai*
- *Hai*
- *Nah*
- *Syabas*
- *Cis*
- *Ah*

**Berikut adalah penerangan dan contoh penggunaan kata seru dalam ayat.**

- a) *Aduh*
  - menyatakan perasaan sakit /keluhan.
  - Contoh : *Aduh*, sakit mataku ini !
- b) *Aduhai*
  - menyatakan rasa sedih / dukacita.
  - Contoh : *Aduhai*, malangnya nasibku !  
*Aduhai*, tertipu lagi saya !
- c) *Amboi*
  - menyatakan perasaan kagum.
  - Contoh : *Amboi*, cantiknya kucing awak !
- d) *Wah*
  - menyatakan perasaan hairan

Contoh : *Wah*, hebatnya pensyarah Jabatan Bahasa Melayu !

e) *Eh*

- menyatakan perasaan terperanjat

Contoh : *Eh*, kamu pun menyertai seminar ini !

f) *Ah*

- menyatakan perasaan penolakan / tidak setuju.

Contoh : *Ah*, saya tidak benarkan !

*Ah*, aku enggan menurut perintahnya !

g) *Cis*

- menyatakan perasaan marah.

Contoh : *Cis*, kamu merokok lagi !

*Cis*, berani sungguh dia dating ke mari !

h) *Hai*

- menegur / menyapa untuk berkenalan dengan seseorang.

Contoh : *Hai*, sudah lama kita tidak bertemu !

*Hai*, selamat berkenalan !

i) *Nah*

- menyatakan persetujuan.

Contoh : *Nah*, ambillah balik semua buku kamu ini !

j) *Syabas*

- menyatakan rasa puas hati / bangga.

Contoh : *Syabas*, kamu telah terpilih sebagai pelajar cemerlang !

k) *Wahai*

- menyatakan perasaan seruan / perhatian.

Contoh : *Wahai*, anak-anakku, hormatlah orang-orang tua !



### Latihan 28

#### A. Garisi kata seru yang sesuai.

1. (Hai, Cis), berani kau mencabar aku!
2. (Aduh, Wah), besar sungguh rumah kamu!
3. (Ah, Eh), baru sebentar tadi saya nampak dia!
4. (Eh, Aduh), sakitnya tangan aku!
5. (Cis, Hai), boleh kita berkenalan!
6. (Ah, Wah), lupakan sahaja perkara itu!
7. (Amboi, Oh), sombongnya murid baru itu!
8. (Syabas, Cis), kamu telah berjaya!
9. (Oh, Wahai), anak-anakku, janganlah melawan kata-kata guru!
10. (Hai, Oh), ramai sungguh pelancong datang ke Zoo Negara pada hari ini!

#### B. Masukan kata seru ke dalam ayat-ayat yang berikut:-

- a).....ibu bapa, suruhlah anak-anak kamu mengerjakan solat lima waktu !
- b) .....ambillah barang ini !
- c) .....inilah keputusan yang saya tunggu-tunggu !
- d) .....kawan-kawan semua !
- e) .....tangannya berdarah !
- f) .....manisnya buah anggur ini !
- g) .....cadangannya itu tidak perlu kita pertimbangkan !
- h) .....belum cukup bayarannya !

# SUN 11 CUACA


## Cuaca dan Iklim


Cuaca adalah keadaan udara pada saat tertentu dan di wilayah tertentu yang relative sempit dan pada jangka waktu singkat. Cuaca itu terbentuk dari gabungan unsur cuaca dan jangka waktu cuaca biasa hanya beberapa jam saja.

Iklim adalah keadaan cuaca rata-rata dalam waktu satu tahun yang penyelidikannya dilakukan dalam waktu yang lama dan meliputi wilayah yang luas.

Cuaca dan iklim merupakan hal yang berkaitan erat dengan panas, hujan dan juga mendung atau berlawanan. Thailand merupakan salah satu Negara yang memiliki 2 musim iaitu musim hujan dan musim kemarau. Sedangkan Negara-negara lain ada yang memiliki lebih dari 2 musim iaitu 4 musim. Musim-musim tersebut antar lain iaitu musim panas, musim hujan, musim gugur dan musim semi.

### Cuaca

|   |   |   |   |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| panas   | hujan   | sejuk   | mendung   |

|   |   |  |   |
|---|---|--|---|
|  |  |  |  |
| ribut   | cerah   | berangin   | petir   |

### Iklm

|  |  |   |  |
|--|--|---|--|
|   |   |    |   |
| musim panas  | musim bunga  | musim luruh   | musim hujan  |
|  |  |  |  |
| musim semi   | musim tengkujuh  | musim sejuk   | musim kemarau  |

**Latihan 29 : Lengkapi ayat ini dengan perkataan-perkataan yang berikut.**

1. Amerika + musim sejuk

---

2. Mesir + musim panas

---

3. Jepun + musim semi

---

4. Thailand + musim kemarau

---

## PAK KADIR DENGAN TELUR ITIK EMAS

Pak Kadir seorang penternak. Dia membela ayam dan itik. Ayam dan itiknya selalu bertelur. Pak Kadir mendapat banyak telur ayam dan telur itik.

Pak Kadir menjual telur ayam dan itiknya di pasar. Dia mendapat banyak wang. Dia berasa gembira kerana dia dapat membeli barang-barang dengan wang itu.



Pada suatu hari, itik Pak Kadir telah bertelur sebiji telur emas. Pak Kadir pun menjual telur itu. Pekedai membelinya dengan harga yang tinggi. Pak Kadir mendapat banyak wang.

Keesokan harinya, itik Pak Kadir bertelur sebiji lagi emas. Pak Kadir menjualnya. Dia mendapat banyak wang lagi.

Pada suatu hari, Pak Kadir sudah tidak sabar. Dia ingin cepat menjadi kaya. Dia tidak mahu menunggu itiknya bertelur hanya sebiji telur emas setiap hari. Pak Kadir fikir lebih baik dia ambil saja semua telur emas yang ada di dalam perut itiknya.

Pak Kadir pun membelah perut itiknya itu. Pak Kadir berasa terkejut apabila dia lihat tidak ada telur emas di dalam perut itiknya itu. Pak Kadir berasa sedih dan menyesal kerana itiknya mati akibat perbuatannya.

**Latihan 30 : Lengkapkan ayat ini dengan frasa yang sesuai.**

1. Pak Kadir suka \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_ Pak Kadir bertelur sebiji \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_ menjual telur itiknya di \_\_\_\_\_
4. Pak Kadir ingin \_\_\_\_\_
5. Pak Kadir seorang \_\_\_\_\_

# Tatabahasa

## Kata Hubung

**Kata hubung** ialah perkataan yang digunakan untuk menggabungkan perkataan dengan perkataan rangkai kata dengan rangkai kata ayat dengan ayat.

| No | Contoh          | Ayat Contoh  |
|----|-----------------|--|
| 1  | <b>atau</b>     | Saya hendak makan mee atau nasi lemak  |
| 2  | <b>dan</b>      | Saya dan adik bermain di taman   |
| 3  | <b>lalu</b>     | Dia masuk ke bilik lalu menyalin pakaian                                     |
| 4  | <b>sambil</b>   | Bapa mendengar radio sambil membaca surat khabar                             |
| 5  | <b>serta</b>    | Ali, Abu serta Ahmad tidak hadir ke sekolah                                  |
| 6  | <b>tetapi</b>   | Saya rajin tetapi saya tidak pandai belajar                                  |
| 7  | <b>sebab</b>    | Ali sedih sebab kucingnya belum pulang lagi                                  |
| 8  | <b>kalau</b>    | Kamu akan dipenjara kalau melakukan kesalahan                                |
| 9  | <b>supaya</b>   | Kita harus mandi selalu supaya kelihatan bersih                              |
| 10 | <b>kemudian</b> | Sila baca soalan kemudian mula menjawab                                      |
| 13 | <b>apabila</b>  | Saya terkejut apabila mendengar berita itu                                   |
| 14 | <b>bahawa</b>   | Saya yakin bahawa cerita kamu adalah benar                                   |
| 15 | <b>hingga</b>   | Saya belajar hingga ke peringkat universiti                                  |
| 16 | <b>jika</b>     | Jika kamu larang saya, kamu akan terima padahnya                             |
| 17 | <b>kecuali</b>  | Jawab semua soalan kecuali soalan dua  |
| 18 | <b>kerana</b>   | Dia sakit hati kerana kenakalan anaknya                                      |
| 19 | <b>ketika</b>   | Ketika menunggu kamu, saya hampir tertidur                                   |
| 21 | <b>sebelum</b>  | Sebelum melintas jalan raya, pelajar itu melihat ke kiri dan ke kanan dahulu |
| 22 | <b>sejak</b>    | Sejak dia berpindah rumah, perangainya sudah berubah                         |

## Peribahasa

Menurut Za'ba peribahasa ialah susunan kata-kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya.

Penggunaan peribahasa di kalangan masyarakat Melayu khususnya, untuk memberi pengajaran atau teguran dengan cara yang sopan dan halus.



sesuatu yang tidak kekal

**Embun di hujung rumput**



diam orang berilmu berfikir, diam tetapi diam orang bodoh siasia sahaja.

**diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat**



sesuatu penyakit datang dengan cepat, tetapi lambat untuk sembuh.

**datang seperti ribut, pergi seperti semut**



jika sesuatu perkara itu tidak berlaku, masakan orang memperkatakannya.

**jika tiada angin, masakan pokok bergoyang**



Pemberian sesuatu apabila menziarahi orang

### Buah Tangan



Ketawa apabila mendengar, melihat, membaca buku

### Geli Hati




Orang yang tidak tahu main bola

### Kaki Bangku



Orang yang suka membaca bu

### Ulat Buku



orang yang tidak tahu mengenang budi

Bagai kacang melupakan kulit



pasangan yang sama padan dan sama cantik

Bagai pinang dibelah dua



dendam; perbuatan jahat yang tersembunyi

Seperti api dalam sekam



orang yang cetek pengetahuannya mengenai hal dunia luar

Seperti katak di bawah tempurung



kecantikan gadis yang tiada bandingannya

Bagai bulan dipagari bintang

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Bekerjasama dan tolong-menolong

Takut kerana salah, berani kerana benar

Berasa takut kerana melakukan kesalahan, sebaliknya jika benar, berasa berani

Buang yang keruh, ambil yang jernih

Buang yang jahat, ambil yang baik

Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa

memilih kerana kedua-dua pilihan sama penting

Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa

Kita sentiasa berterima kasih ke atas kebaikan orang terhadap kita.

Yalah...lagi semua kawan-  
kawan sangat  
bersatupadu...buatkan  
kerja cepat selesai

Alhamdulillah...Amin  
hari ini kita dapat  
membersihkan kelas

Seperti pepatah  
Melayu berbunyi  
"Berat sama dipikul,  
ringan sama  
dijinjing"



## Rujukan

- Anwar Ridwan, 2004 . **Perbualan Asas Bahasa Melayu**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Tatabahasa Dewan Jilid 2, 1989. **Perkataan**. dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Haron. 2012. **Literasi 2 M membaca & menulis Bahasa Malaysia KSSR (Program LINUS) Tahap 1**. Selangor Darul Ehsan : Petaling Jaya.
- Kamus Dewan edisi keempat, 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim dkk, 2013. **Buku tatabahasa Dewan Jilid 1: Bentuk kata**, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik safiah Karim dkk, 2013. **Tatabahasa Dewan Bentuk Kata**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan pustaka.
- Phaosan Jehwae, 2012. **Bahasa Melayu Jilid 1**. Yala : Universiti Yala.
- Raihana Hamdan. 2013. **Modul praktis KSSR tahun 1 Bahasa Malaysia**. Selangor Darul Ihsan : Seri Kembangan.
- Suraiya Chapakiya, 2016. *Bahasa Melayu1Komunikasi dan Kemahiran Berbahasa*. Bangkok : Syarikat M& M Laser Print Bhd.
- Suria Mahmud. 2013. **Modul praktis KSSR tahun 2 Bahasa Malaysia**. Selangor Darul Ihsan : Seri Kembangan.
- Titas Bahasa**. 2009. Fakultas Ilmu Budaya Universitas Gadjah Mada : Yogyakarta.